

**CIMB Islamic Bank Sasar 15-19 Peratus Pertumbuhan Pinjaman Tahun Ini
Bernama
5 September 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- CIMB Islamic Bank Bhd menyasar menyaksikan pertumbuhan jumlah pinjaman yang sederhana antara 15 peratus dan 19 peratus bagi tahun kewangan 2011, kata Ketua Pegawai Eksekutif Badlisyah Abdul Ghani Isnin.

Pada masa ini, pinjaman CIMB Islamic menguasai 13.8 peratus jumlah pinjaman CIMB Group.

"Sumbangan pinjaman daripada bank Islam dan konvensional meningkat dan dijangka bahagian (pinjaman) kami juga akan berkembang, bagaimanapun tidak terlalu cepat.

"Kemungkinan akan melebihi pertengahan belasan, kira-kira 15 hingga 19 peratus dan itu sasaran bagi tahun ini," katanya kepada pemberita pada majlis pemeteraian memorandum persefahaman bagi Halal Fiesta Malaysia 2011 (HALFEST) di sini Isnin.

CIMB Islamic juga yakin pertumbuhan sederhana dengan produk perbankan yang mematuhi Syariah dengan peningkatan permintaan dan potensi pertumbuhan dalam industri, katanya.

Mengenai ketidaktentuan perkembangan dunia, Badlisyah berkata kesan akan sedikit sebanyak terhad dan tidak ketara, memandangkan ekonomi Malaysia akan dipacu kebanyakannya oleh permintaan tempatan.

Beliau berkata bank dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan kira-kira 20 peratus bagi segmen perbankan komersial Islam bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kami menumpukan kepada syarikat-syarikat berwibawa daripada semua industri dengan pelan perniagaan yang berwibawa. Sekiranya mereka memenuhi keperluan yang sewajarnya, kami akan menyokong mereka," katanya.

CIMB Islamic menjadi penaja utama HALFEST 2011, yang menjadi platform untuk terus membantu industri terutamanya PKS, kata Badlisyah.

HALFEST 2011 dijadualkan berlangsung mulai 12-16 Okt ini dengan 727 ruang pameran, akan menampilkan produk dan perkhidmatan halal kepada kira-kira 50,000 pelawat.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah menyaksikan pemeteraian itu antara CIMB Islamic dan Shapers Malaysia Sdn Bhd (penganjur) serta antara Majlis Amanah Rakyat (penganjur bersama) dan Shapers.

Ketua Pegawai Eksekutif Shapers Mohd Shukri Abdullah mengunjurkan urusan niaga perniagaan bernilai RM25 juta dijangka berlangsung semasa acara itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=611677>